

**Yang Di-Pertuan Agong Prihatin Terhadap Kebajikan Polis  
Bernama  
17 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Keberangkatan hadir Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ke pertandingan golf sempena Hari Polis ke-205 di sini Sabtu menunjukkan tuanku seorang yang prihatin, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Kehadiran Baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hamimah Hamidun serta kerabat diraja yang lain menyerlahkan sifat mengambil berat terhadap kebajikan pegawai-pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), katanya.

Ismail berkata dengan kehadiran Tuanku telah meningkatkan semangat warga PDRM untuk terus menabur bakti dan menumpukan taat setia kepada baginda.

"Kami akan memberi seluruh komitmen dan kerjasama menjayakan apa sahaja program serta perancangan di masa hadapan baik dari sudut sukan, kepolisan dan kesejahteraan," katanya ketika berucap selepas pertandingan golf tersebut berlangsung di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) di sini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=652923>